

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 6 RABU 10 FEBRUARI 1971 1390 ذوالحججه 14 رابو PERCHUMA

Penyampaian pingat2 dan lenchana2 penderma darah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Seri Paduka Dr. P. I. Franks menyatakan terima kasih kerajaan kepada semua penderma2 darah di-Daerah Brunei-Muara yang telah menderma darah mereka untuk menyelamatkan nyawa sesama manusia.

Beliau berkata, tanpa pertolongan mereka pada beberapa ketika, Jabatan Perubatan dan Kesihatan tidak akan berjaya menchapai tujuannya untuk menyelamatkan nyawa dan menyembuhkan penyakit2 yang terok.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan itu menyatakan demikian ketika berucap di-upachara penyampaian pingat2 dan lenchana kepada lebeh tiga ratus orang penderma2 darah yang telah berlangsung di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Seri Paduka Dr. Franks berkata, kebaktian mereka dalam mendermakan darah untuk menolong orang lain ada-lah satu tanda persahabatan yang baik yang ujud di-kalangan berbagai2 kaum di-negeri ini.

Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari Kornia Di-Raja Awang Hong Kok Tin telah menyampaikan pingat2 dan lenchana2 tersebut.


Dalam upacara itu dua orang telah menerima pingat emas. Mereka ia-lah Penyelia Jururawat Dayang I.M. Acton dan Insp. Haji Salleh bin Haji Hassan yang masing2 menderma darah sa-banyak 14 dan 15 kali.

Dua puluh tujuh orang telah menerima pingat perak dan 377 orang menerima sijil2 dan lenchana2.

Satu upacara penyampaian pingat2 dan lenchana kepada lebeh dari 200 orang penderma darah di-Daerah Belait akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada 20 Februari ini mulai jam 9.30 pagi.



Gambar atas: Dayang I. M. Acton salah sa-orang yang menerima pingat emas. Dayang Acton telah menderma darah sa-banyak 14 kali. Gambar bawah: Pengiran Bahar bin Pengiran Ahmad, salah sa-orang yang menerima pingat perak di-upachara tersebut.



Peraduan bahath Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Peraduan bahath bagi memilih wakil Daerah Tutong ka-pertandingan perengkat negeri akan di-adakan di-Dewan Mesjid Hassanal Bolkihah pada hari Jumaat 19 Februari mulai 8.00 pagi.

Peraduan tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan

Hal Ehwal Ugama bersempena menyambut awal Muharam 1391.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan tersebut boleh mendapatkan borang penyertaan dari Awang Muhammad bin Gemok, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Tutong dan hendak-lah dikembalikan tidak lewat dari 15 Februari.

Keputusan peraduan menulis cherpen anjakan DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. Dewan Bahasa Pustaka Brunei telah mengumumkan keputusan peraduan menulis cherpen yang telah di-adakan pada tahun lepas. Peraduan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian orang dewasa dan bahagian kanak2.

Dayang Norsiah binte Abd. Gapar dari Seria telah memenangi hadiah pertama dalam bahagian kanak2 dengan cherpen-nya berjudul 'Si-Puteh'.

Hadiah kedua di-menangi oleh Awang A. Zaini Tuah dari Bandar Seri Begawan dengan cherpen-nya bertajuk 'Satu Ringgit'.

Cherpen 'Aman Berjasa' karangan Ak. Aji bin Pengiran Md. Tahir, dari Bandar Seri Begawan mendapat tempat ketiga.

Pemenang pertama dalam bahagian dewasa ia-lah Cherpen yang berjudul 'Chegu Mahukan Rebolusi' karangan Dayang Rosmah binte Taha, dari Kuala Belait.

Kedua, cherpen 'Kawan Sakamar Asrama' karangan Dayang Norsiah binte Abd. Gapar dari Seria dan pemenang ketiga ia-lah cherpen 'Bichara Seniman' hasil karya Awang Ibrahim bin Haji Mohammad dari Bandar Seri Begawan.

Sa-banyak sembilan buah cherpen bahagian kanak2 telah di-pilih2 untuk memenangi hadiah penghargaan. Cherpen2 tersebut ada-lah saperti berikut:

'Pengalaman Di-Jong Batu' karangan Awang Bakar bin Othman, 'Chita2 Jadi Doktor' karangan Awang Yusof bin Haji Mohammad, 'Anak Yang Pintar' karangan Awang Ahmad bin Mohd. Arshad, 'Usaha Itu Tangga Kejayaan' karangan Awang Hashim bin Ahmad, 'Esok Yang Cherah' oleh Awang Ibrahim bin Haji Mohammad, 'Lain Simpang

(Lihat Muka 8)

60 orang rekrut polis mulakan latehan 14 Feb.

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-ramai 60 orang rekrut polis akan memulakan latehan asas selama enam bulan di-Pusat Latehan Polis di-Jalan Muara, pada 14 Februari ini.

Sa-orang juruchakap Pasokan Polis Di-Raja Brunei berkata, rekrut2 baru itu ada-lah yang terpilih dari kira 300 pemohon yang di-temu-duga oleh rombongan pengambilan orang2 baru dalam bulan lalu.

Satu lagi pengambilan orang2 baru akan di-lakukan lewat dalam tahun ini.

Semasa latehan, rekrut2 itu akan mempelajari undang2 dan semua perkara mengenai peratoran dan tugas polis. Beberapa perkara tambahan, seperti pertolongan chemas, menyelamat jiwa dan judo juga akan di-ajar di-pusat itu.

Sa-telah tamat nanti, mereka akan di-tempatkan di-balai2 polis di-negeri ini untuk memperolehi pengalaman praktikal.



Gambar atas: Pemangku Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Abu Zar bin Abu Bakar (di-sebelah kiri) ketika di-bawa melawat di-sekitar bangunan balai polis Lamunin oleh Pegawai Penjaga balai tersebut, Merinyu Perchubuan Awang Rahim bin Haji Mohd. Jaafar (di-sebelah kanan).

Dato Abu Zar telah mengadakan lawatan ka-balai tersebut yang telah mula menjalankan perkhidmatan-nya pada minggu lepas.

Balai polis tersebut terletak kira2 10 batu dari simpang batu 18 Jalan Tutong.

Penduduk2 yang di-tinggal di-Mukim Lamunin, Kampong Supon termasuk Kampong Kiudang, Kampong Birau dan Kampong Melabau yang hendak membuat sa-barang pengaduan boleh-lah berbuat demikian ka-balai tersebut.

Lawatan rombongan penyembor ubat DDT ka-Daerah Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Projek Penghapus Malaria akan menjalankan penyemboran ubat DDT di-13 buah kampong di-Daerah Tutong dalam bulan ini.

Rombongan penyembor itu akan melawat Kampong Bukit pada 11 Februari esok Kampong Litad pada 13 Februari, Kampong Bang Ligi pada 15 Februari, Kampong Bingol dan Kampong Melaboi pada 16 Februari.

Rombongan kemudia-nya akan melawat Kampong Long Tadion dan Kampong Pangkalan Panchor pada 17 Februari, Kampong Merimbun pada 18 Februari, Kampong Benutan pada 20 Februari, Kampong Ukong pada 22 Februari dan Bukit Udal pada 23 dan 24 Februari.

Ketua Projek Penghapus Malaria meminta penghulu2

dan ketua2 di-kampong2 tersebut supaya membantu rombongan penyembor itu apabila mereka melawat ka-kampong mereka.

Tempat perkelahan di-Pengkalan Si-Babau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tempat peranginan tepi pantai di-Pengkalan Si-Babau yang bertentangan dengan Kuala Brunei sudah pun dibuka untuk lawatan orang ramai.

Ita-nya terletak 10 batu dari Bandar Seri Begawan melalui Jalan Residency dan Kota Batu.

Sa-orang juruchakap Pejabat Daerah Brunei-Muara berkata, sebatang jalan tanah jarak kira2 tiga suku batu yang menuju ka-tempat peranginan itu sudah pun siap. Kerja2 membuboh batu2 di-jalan tersebut juga telah siap. Tempat peranginan tepi pantai itu kira2 sa-batu panjang-nya di-sa-panjang tepi Sungai Brunei.

Satu kawasan lebeh dari lima ekar di-situ telah pun di-berseh dan di-ratakan.

Juruchakap itu berkata, Pejabat Daerah Brunei-Muara merancang akan membesarkan kawasan itu dengan mem-bersekhkan kira2 20 ekar lagi.

Kata-nya usaha membena kawasan itu sa-bagai satu tempat peranginan ada-lah di-sesuaikan dengan projek2 per-kembangan negeri ini.

Pemenang2 perlumbaan go-kart

SERIA. — Sgt. Yunus bin Haji Tudin dari AMDB telah memenangi tiga acara perlumbaan dalam perlumbaan bulanan go-kart anjoran Kelab Motor Di-Raja yang berlangsung di-Gelanggang Sokan Setia pada minggu lalu.

Dalam perlumbaan 20 pusingan

Rentas desa sekolah2 rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan 'A' Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan telah memenangi perlumbaan rentas desa bahagian lelaki sekolah2 rendah bahagian Brunei Satu yang berlangsung pada hari Selasa lepas.

Pemenang dalam bahagian lelaki 'B' ia-lah Sekolah Melayu Pular Ulak sementara pemenang dalam bahagian perempuan di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan.

Perlumbaan tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran sa-bagai projek tahunan jabatan tersebut.

Sa-ramai 90 orang murid lelaki dan perempuan dari enam buah sekolah telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

sprint, Awang Ibrahim bin Ahmad mendapat tempat kedua dan Edwin Cho pemenang ketiga. Edwin Cho juga memenangi tempat kedua dalam perlumbaan 40 pusingan dan 20 pusingan.

Stewart Bowker memenangi tempat kedua dalam perlumbaan 40 pusingan sementara Charis Lamers memenangi tempat ketiga dalam perlumbaan 20 pusingan.

Perlumbaan 10 pusingan bahagian wanita di-menangi oleh Nicole Van Dam dan kedua Puan Mariam Gasan.



Gambar kiri menunjukkan sa-bagian dari peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan rentas desa bagi sekolah2 Brunei Satu ketika hendak memulakan perlumbaan.

Lima perkara dari sabda Rasulullah untuk keselamatan hidup

DI-DALAM sa-buah hadith yang telah di-riwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

"Pada suatu ketika Rasulullah telah bersabda bahawa siapakah yang mahu mengambil daripadaku kelimah2 ini, lalu di-amalkan-nya atau diajarkan-nya kepada orang yang mahu mengamalkan-nya".

Maka jawab Abu Hurairah: "Saya wahai Rasulullah".

Maka Rasulullah terus memegang tangan ku lalu Rasulullah menghitung lima perkara dengan sabda-nya:

"Pelihara-lah diri mu daripada segala yang di-hormat-kan, neschaya engkau menjadi manusia yang paling beribadat. Redha-lah sekadar yang telah di-anugerahkan oleh Allah kepada engkau, neschaya engkau menjadi manusia yang paling kaya. Dan berbuat baik-lah kepada tetangga (jiran) engkau, neschaya engkau menjadi orang yang mu'min dan sayangi-lah manusia apa

- Pelihara-lah hidup-mu daripada segala yang di-hormat-kan
- Redha-lah sekadar yang telah di-anugerhkan oleh Allah
- Berbuat baik-lah kepada jiran tetangga
- Sayangi-lah manusia
- Jangan-lah engkau banyakkkan tertawa

yang engkau sayangi diri engkau, neschaya engkau menjadi orang Islam dan jangan-lah engkau banyakkkan tertawa, kerana banyak tertawa itu mematikan jiwa".

Dari maksud hadith tersebut di-atas, jika dengan sa-pintas lalu, sangat-lah mudah dan senang. Daripada lima perkara ini, sa-seorang itu boleh menjadi selamat, sa-balek-nya jika kita amat2i bahawa lima perkara yang tersebut tadi telah meliputi segala keperluan dan

kemahuan manusia, juga sa-bagaimana seruan Allah dan Rasul. Pertama2 Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan bahawa sa-seorang yang menjaga diri-nya berbuat daripada segala perkara yang di-hormat-kan ada-lah orang yang di-hitong paling beribadat. Maksud ini ada-lah bukan hanya sa-mata2 tidak mengerjakan segala yang di-tegah sahaja tanpa membuat segala kewajipan, apa yang di-maksudkan ia-lah bahawa membuat segala kebajikan itu ada-lah senang, tetapi meninggalkan kejahatan itu sangat susah, ini dapat kita fahamkan dalam sa-buah hadith yang lain bermaksud:

"Sa-seorang yang melawan hawa nafsu-nya itu ada-lah di-sifatkan sa-bagai berperang sabil."

Kedua, Rasulullah menekankan bahawa redha apa yang telah di-dapati itu juga menjadikan orang itu sa-kaya2 manusia, sekali pun pada dza-

hir-nya miskin. Perkara seperti ini selalu kita dapati dalam masyarakat kita dewasa ini. Ramai di-antara masyarakat Islam tidak bersukor atau memada dengan apa yang di-dapati, atau dengan perkataan lain mereka membelanjakan keperluan sa-hari2 tidak sa-timpal dengan pendapatan mereka. Dan ini-lah selalu men-datang ketidakpuasan hati di-atas anugerah Allah Subhanahu-wataala yang telah mereka perolehi, maka orang yang seperti ini akan menda-pat balasan jahat di-akhirat sa-bagaimana yang telah diterangkan oleh Allah Subhanahu-wataala di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dan ingati juga, ketika Tuhan kamu memberi tahu-kan, kalau kamu bersukor sudah tentu aku (Allah) akan memberikan lebih banyak dan kalau tidak bersukor sa-sung-goh-nya seksa ku sangat keras". (Ibrahim ayat 7).

Di-dalam hadith di-atas, telah menyebut juga bahawa sa-seorang yang berbuat baik kepada jiran dan kaseh kepada manusia lain, ada-lah dia di-hitong Mu'min dan muslim, dan di-akhir hadith itu telah menasihatkan kita supaya jangan banyak tertawa, kerana dengan banyak tertawa itu ada-lah mematikan jiwa manusia.

Ini-lah serba ringkas maksud sa-buah hadith Rasulullah yang telah di-riwayatkan oleh Abu Hurairah di-atas tadi. Apa yang di-maksudkan ia-lah supaya tiap2 orang Islam dapat mengikut dan mengamalkan sa-bagaimana yang di-su-roh oleh Junjongan, maka dengan ada-nya kita mengamalkan perkara yang baik mudah2an kita selamat serta bahagia di-akhirat. Amin Ya Rabbul Alamin.

Merayakan Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 Pertubuhan Perkumpulan Wanita Pintu Malim Brunei akan merayakan Hari Raya Haji di-Sekolah Melayu Pintu Malim pada 19 Februari dengan mengadakan beberapa peraduan.

Peraduan2 tersebut ia-lah dari hasil kerja sain2 urusan rumah tangga, tulisan jawi, gubahan bunga, membuat ba-

kul dan menganyam tikar dan masak2an.

Penghakiman pameran itu akan bermula pada pukul 10.00 pagi dan hadiah2 kepada pemenang2 akan di-sampaikan oleh Pengelola Pelajaran Dewasa Awang Umar bin Momad pada pukul 3.00 petang.

Sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan memberi cheramah berkenaan dengan Hari Raya Haji di-upachara penyampaian hadiah itu.

Pada sebelah malam-nya akan di-adakan tayangan wayang gambar yang berchorak ugama.

Lulus Ijazah B.A.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang penuntut Brunei telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah memperolehi ijazah sarjana muda dalam jurusan undang2 dari Universiti Azhar, Kahirah.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Haji Abu Bakar bin Tengah dan Malai Ahmad Murah bin Syed Mashor.

Mereka ia-lah bekas penuntut Kolej Islam, Petaling Jaya Selangor dan mereka melanjutkan pelajaran atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Pembinaan balai pulis Tutong

PEKAN TUTONG. — Pembinaan bangunan balai pulis di-Pekan Tutong akan di-mulakan tidak beberapa lama lagi.

Komplek yang mengandongi sa-buah balai pulis dan barek bagi anggota pulis yang beristeri dan maseh bujang itu dibena di-satu kawasan tanah sa-luas tiga ekar berhampiran dengan bangunan Balai Bomba.

Pembinaan kompleks tersebut di-anggarkan menelan belanja kira2 \$350,000.

Bangunan tersebut akan menggantikan balai pulis yang ada sekarang yang terletak di-bangunan pejabat2 kerajaan di-Pekan Tutong.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara. Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 Feb., 1971 hingga ka-hari Selasa 16 Feb., 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
10 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
11 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
12 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
13 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
14 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
16 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

10hb. Februari, 1971.

BALAI PULIS

KERAJAAN sentiasa memunculkan perhatian yang berat terhadap keselamatan dan keamanan penduduk2 negeri ini dengan tidak mengira tempat, sama ada di-bandar2, pekan2 dan kampung2 pendalaman.

Sa-jauh ini beberapa buah balai pulis di-kawasan2 yang di-fikirkan mempunyai penduduk yang ramai bilangan-nya telah pun menjalankan perkhidmatan2 untuk memberikan kemudahan2 kepada orang2 kampung dalam menghadapi sa-barang keemasan atau pun yang memerlukan perkhidmatan2 sa-chara dharurat.

Tentu-nya dapat di-fahamkan kenapa balai2 pulis yang demikian di-tempatkan di-kawasan2 yang ramai bilangan penduduknya dan apa yang harus di-buat oleh orang ramai terhadap balai2 pulis itu. Sudah tentu balai pulis yang demikian tidak akan berguna kalau orang2 yang ada di-keliling-nya tidak dapat menggunakan atau membelakangkan anggota2 pulis yang bertugas dalam perkara2 yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Kita telah pun mengetahui bahawa pehak pulis ada-lah sahabat yang ikrab kepada orang ramai, dan ada-lah sama sekali tidak dapat di-terima jika ada yang mengatakan yang pehak pulis itu musuh kepada mereka. Kita harus yakin bahawa pehak pulis itu ada-lah sahabat kita yang bersedia memberikan pertolongan. Ada-lah amat bertentangan pula jika kita menganggap yang kerja pulis itu-hanya untuk menangkap. Demikian juga hal-nya dengan apa yang di-perlukan oleh pehak pulis sendiri dari orang ramai. Pehak pulis ada-lah memerlukan kerjasama mereka pada menjaga keamanan dan ketenteraman dari sekitar kampung hingga-lah kepada negeri seluruh-nya.

Ketika kita berhadapan dengan sa-saorang pulis, maka kita hendak-lah yakin yang pulis itu hendak memberikan pertolongan kepada kita terutama dari segi keselamatan kita sendiri dan kita juga tidak perlu bimbang jika ia mengemukakan pertanyaan2 dan meminta keterangan2 yang di-perlukannya. Selalu, orang yang merasa khuatir berhadapan dengan pulis ia-lah orang2 yang merasakan diri-nya membuat sa-suatu kesalahan — atau orang yang bersalah memang takut berhadapan dengan pulis. Tetapi kita benar2 yakin bahawa sa-seorang pulis tidak akan menangkap kita jika tidak bersalah, dan jika belum tentu kesalahan kita, maka tidak akan di-lakukan tangkapan dengan sertamerta. Dalam kesalahan lalu lintas, misal-nya, biasa-nya orang2 yang tersilap akan diberi nasihat, tetapi tidak kepada orang yang melakukan kesalahan dengan sengaja.

Sekarang, sa-bahagian kawasan dalam negeri ini telah mempunyai balai2 pulis. Balai itu ada-lah memerlukan kerjasama dari orang ramai untuk aduan2 yang memerlukan khidmat pulis, terutama-nya atas perkara2 yang di-ragukan dan boleh merosakkan ketenteraman.

Wawanchara dengan —Pengetua JHEU

SOAL:

Sa-bagaimana telah di-ketahui, bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama, masa ini sedang bahkan sudah pun menjalankan beberapa projek baru untuk memperluas dan memperkembangkan Pengajaran Ugama Islam di-negeri ini. Dapatkah Pehin menerangkan lebeh lanjut mengenai dengan projek2 berhubung dengan perkara ini?

JAWAB:

Dalam menghadapi tahun 1971 Jabatan Hal Ehwal Ugama berusaha untuk menjalankan beberapa rancangan baru dan supaya tidak keliru ingin-lah saya menyatakan bahawa rancangan2 yang dijalankan atau yang akan di-jalankan ada-lah merupakan suatu usaha yang sambong bersambung atau penerusan daripada usaha2 ditahun2 yang lalu. Di-antara rancangan2 itu termasuk-lah Cheramah Tafsir Al-Quran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada tiap2 hari Sabtu malam Ahad sa-lepas sembahyang magrib membawa kepada masak-nya waktu Esha dan ada-lah di-rancangan2 supaya naskah2 cheramah itu akan di-terbitkan dan di-jual untuk menjadi bahan kepada orang ramai.

Yang kedua mengadakan Kursus Belia dan Ugama, tujuan kursus itu ia-lah bagi memberikan pimpinan dan bimbingan yang jujur kepada belia2 termasuk-lah anak2 buah kampung di-mana kursus itu di-adakan supaya pengerakan2 belia sentiasa menuju ka-arrah kebajikan yang di-redzai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Ketiga — Jabatan ini akan mengusahakan beberapa penerbitan yang baru termasuk-lah kumpulan2 khutbah Jumaat yang di-pilih bagi bahan bacaan kepada orang ramai.

Memperbaiki rancangan2 keugamaan yang di-siarkan melalui radio sekarang ini boleh-lah diikut siaran yang di-namakan 'Taman Asohan Islam' begitu juga penerbitan2 bagi rancangan sharahan di-pilih daripada Pegawai2 dan Guru2 Ugama yang di-tentukan.

Saya fikir sa-takat ini memadai untuk menjawab soalan Awang itu.

SOAL:

Jabatan Hal Ehwal Ugama ada mempunyai beberapa chawangan, dapatkah Pehin menerangkan bagaimanakah tugas2 tiap2 bahagian itu di-usahakan, umpama-nya dalam Bahagian Pelajaran, Penerangan, Majlis Islam dan Mahkamah?

JAWAB:

Memang-lah di-akui bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama mempunyai beberapa bahagian dan tiap2 bahagian itu di-ketui oleh sa-orang Pegawai yang kanan, umpama-nya bahagian Pelajaran di-ketui oleh Penguasa Pelajaran Ugama, Pegawai itu bertanggung jawab mengenai dengan hal ehwal mengenai pelajaran Ugama sama ada di-Sekolah2 Ugama, Sekolah Menengah Arab, kelas2 dewasa, kelas2 membacha Al-Quran begitu juga bertanggung jawab mengenai dengan urusan dermasiswa yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama serta membuat kegiatan2 mengenai dengan penuntut2 sekolah2 Ugama seperti peraduan sharahan dan peraduan membacha Al-Quran bagi murid2 sekolah.

Bahagian Penerangan pula di-ketuai oleh Penguasa Penerangan dan Tabliq, bahagian ini mengusahakan penyiaran ajaran2 Ugama Islam menerusi saluran2 yang tertentu termasuk-lah bahagian penerbitan rancangan2 keugamaan di-radio dan juga mengadakan penerangan2 kepada orang2 yang belum beragama Islam seperti di-rumah2 panjang.

Bahagian Kadhi di-ketuai oleh Kadhi Besar, dalam hal ini satu perkara yang perlu di-amal perhatian bahawasa-nya Kadhi sa-bagai Hakim dan juga sa-bagai pentadbiran, dari segi Kadhi sa-bagai Hakim maka ia dalam perbicaraan adalah bebas membuat keputusan2-nya menurut pertimbangan-nya berdasarkan Undang2, dari segi itu pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama tidak boleh mencham-pori-nya, tetapi Kadhi sa-bagai pentadbir umpamanya mentadbirkan urusan2 mesjid, maka perkara itu adalah tera' alok kepada pentadbiran.

Dari segi Undang2 Kadhi2 mempunyai kuasa2 yang tertentu dan mereka ada-lah menjalankan kuasa2 mereka menurut Undang2 itu.

Berhubung dengan Majlis Ugama Islam, maka Majlis Ugama Islam sa-benar-nya adalah sa-buah badan yang tersendiri menurut Undang2, tetapi buat masa ini pentadbiran-nya ada-lah di-bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama, tetapi Majlis itu sendiri ada-lah bertindak membuat keputusan2 berdasarkan pertimbangan ahli2-nya yang di-lantik oleh Duli Yang Maha Mulia, erti-nya anggota Majlis itu adalah bebas dalam mengemukakan pendapat dan tidak di-pengerohi oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan sabenar-nya kedudukan Majlis itu sangat-lah tinggi kerana menurut Undang2 Majlis itu merupakan badan yang tertinggi bagi menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari segi Ugama.

Ada satu bahagian lagi ia-lah bahagian fatwa, bahagian ini di-ketuai oleh Pehin Datu Seri Maharaja, perlu juga saya jelaskan bahawasa-nya jawatan itu pada mulanya di-namakan Mufti, tetapi dari segi adat istiadat yang mengandong adab bahawasa-nya tugas kerana itu-lah nama jawatan Mufti di-tukar menjadi Pehin Datu Seri Maharaja.

Sabenar-nya maseh ada lagi beberapa bahagian tetapi saya fikir sa-takat itu memadai-lah.

SOAL:

Saya tertarik mengenai dengan Mahkamah tadi, sa-bagaimana yang di-ma'dalumi dalam surat2 khabar di-negeri tetangga kita selalu heboh mengenai dengan kelemahan Mahkamah Kadhi dalam menguruskan soal nafkah, dapatkah Pehin menerangkan perkara ini di-negeri kita?

JAWAB:

Menurut Undang2 bahawa Mahkamah Kadhi hanya membicarakan nafkah yang di-perbuat oleh Orang Islam ka-atas orang Islam yang lain. Mengenai dengan nafkah isteri, sa-seorang isteri yang bernikah dengan sah-nya boleh membuat permintaan kepada Mahkamah dan untuk mendapatkan hukuman di-atas laki-nya kerana membayar dari satu masa ka-satu masa apa2 jumlah yang berkenaan dengan nafkah itu yang terhak



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awg. Haji Mohd. Zain.

kapada-nya menurut hukum shara'.

Jadi-nya sa-barang isteri yang berkahwin dengan sah-nya patut memahami perkara ini, jadi saya fikir kalau mereka faham mengenai dengan hak2 mereka yang di-lindungi oleh Undang2 saya tidak fikir apa yang Awang katakan itu tadi akan berbangkit.

Perlu juga saya menerangkan bahawasa-nya orang2 yang telah di-perintahkan oleh Mahkamah dari segi membayar nafkah ini jika di-dapati ingkar dan menurut pertimbangan Mahkamah berdasarkan Undang2 orang2 sa-demikian boleh di-jatuhkan hukuman penjara kerana kemungkiran itu selama satu minggu bagi tiap2 bulan pembayaran, tetapi hukuman penjara itu hendak-lah tidak lebeh daripada satu bulan bagi semua pembayaran.

SOAL:

Bagaimana pula nafkah isteri yang di-cheraiakan?

JAWAB:

Nafkah isteri yang di-cheraiakan juga di-lindungi oleh Undang2 jadi mana2 isteri yang telah di-cheraiakan ia boleh membuat permintaan melalui Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah ka-atas bekas laki-nya itu supaya membayar suatu jumlah bayaran di-dalam masa eddah-nya menurut Undang2.

SOAL:

Kalau isteri yang di-cheraiakan itu mempunyai anak hasil daripada perkahwinan dengan suami yang mencheraiakan, bagaimana kedudukan nafkah anak itu?

JAWAB:

Sa-orang kanak2 yang halal boleh-lah membuat permintaan kepada Mahkamah sama ada dengan sendiri-nya atau menerusi wakil menurut Undang2 mendapatkan perintah ka-atas bapa-nya yang sabenar atau pada lain2 orang yang patut menanggung-nya mengikut hukum shara' supaya membayar nafkah-nya yang terhak kapada-nya menurut hukum shara'. Nafkah sa-demikian akan berpanjangan dan boleh di-pinda mengikut permintaan kepada Mahkamah dan perintah Mahkamah sa-telah di-sahkan sa-barang perubahan keadaan telah berlaku.

Perkara ini saya fikir sangat penting di-ketahui oleh isteri2 yang di-cheraiakan dan juga saya fikir ada-lah mustahak badan2 sukarela seperti Pertubuhan2 Wanita mengambil tau perkara ini dan memberi nasihat kepada kaum sa-jenis mereka.

(Lihat Muka 5)

(Dari Muka 4)

SOAL:

Dari segi pelajaran Pehin, dapatkan Pehin menerangkan ia-itu Pelajaran Agama yang kaula maksudkan, macham mana kedudukan Sekolah2 Rendah Agama dan Menengah di-negeri kita masa ini, jika di-bandingkan dengan Sekolah2 Agama di-negeri jiran tetangga kita?

JAWAB:

Sekolah2 Rendah Agama di-negeri ini yang di-tubuhkan sa-chara persekolahan yang lengkap dan terator dalam bulan September, 1956 sa-hingga sekarang ada-lah berjalan dengan baik, dan jika di-bandingkan kedudukan-nya dengan Sekolah2 Agama di-negeri jiran tetangga kita, (tentu-nya maksud Awang Malaysia), maka saya berpendapat tidak-lah begitu banyak perbezaan-nya dengan sistem di-negeri Johor, kerana sa-bagaimana kita sedia ma'alum bahawa pentadbiran dan chara2 pengajian yang di-jalankan bagi Sekolah2 Agama di-negeri ini sejak ia di-tubuhkan itu ada-lah mengikut chara2 pentadbiran dan ka-edah2 yang di-jalankan di-negeri Johor itu yang mengadakan pelajaran Agama di-sabelah petang di-tiap2 bangunan sekolah Melayu dan Ingeris Kerajaan Tetapi dalam beberapa tahun kebelakang ini saya merasa kedudukan sekolah2 Agama di-negeri ini agak kurang menyenangkan di-sebabkan ketiadaan bilek2 darjah yang menchukupi baik di-bangunan2 sekolah Melayu mahupun Ingeris malah ada di-antara sekolah2 di-negeri ini terutama-nya di-bandar2 tidak dapat lagi di-adakan pelajaran Agama kerana ketiadaan bilek darjah di-sebabkan bertambah-nya bilangan penuntut2 Melayu serta sabahagian sekolah2 itu pula di-jadikan bangunan Sekolah2 Ingeris sa-belah petang, tapi walau bagaimana pun saya dan pegawai2 saya sentiasa berikhtiar dan bekerja keras dalam hal ini untuk mengatasi dan memecahkan perkara yang rumit ini. Mengenai Sekolah Menengah Agama yang telah di-dirikan sejak tahun 1966, maka kedudukan Sekolah ini ada-lah sa-bagaimana kedudukan Sekolah2 Menengah yang lain, tetapi bedza-nya sekolah Menengah Agama ada-lah mengajarkan mata pelajaran Agama lebeh besar dan banyak daripada sekolah2 Menengah yang lain.

Penuntut2 mempelajari bahasa Arab, dan Pengetahuan Agama Islam sechara yang lebeh meluas lagi dan banyak, tetapi mereka juga mengambil peperiksaan umum seperti S.R.P. dan S.P.M., dalam mata2 pelajaran yang asasi seperti Hisab, Sains, Ilmu Alam, Tawarikh, Bahasa dan Sastera. Pada masa ini Sekolah Menengah Agama ada mempunyai Makmal Sains yang agak baik dan ini membolehkan penuntut2 mempelajari Sains dengan lebeh mudah di-tahun2 yang akan datang. Di-antara tujuan Sekolah Menengah Agama ini ia-lah mengeluarkan penuntut2 yang akan berkelayakkan menyambungkan pelajaran ka-Universiti2 sebarang laut sama ada di-Azhar atau Universiti Malaya atau Universiti Kebangsaan di-Malaysia.

Sekarang ini ada dua kelas Tingkatan V yang akan mengambil peperiksaan S.P.M., dan empat kelas Tingkatan III yang akan mengambil peperiksaan S.R.P. tahun ini, jumlah penuntut2-nya sekarang sa-ramai 406 orang termasuklah tiga kelas untuk Darjah2 persediaan menengah. Insha Allah pada tahun yang akan datang akan di-adakan kelas2 Tingkatan VI dan dalam rancangan-nya mereka akan mengambil peperiksaan S.T.P. atau H.S.C. pada tahun 1973.

Untuk memasoki Sekolah Menengah Agama murid2 telah di-pilih dengan satu peperiksaan khas dan murid2 yang lulus itu akan masuk kelas persediaan selama dua tahun sa-belum masuk tingkatan satu. Pada tahun lepas (1970) ada seramai lima ratus permintaan, tetapi kita hanya menerima satu ratus orang sahaja dan satu ratus ini telah pun masuk kelas2 persediaan pada awal tahun 1971 ini.

Kemajuan dalam peperiksaan S.R.P. dari tahun 1968 hingga 1970 ini belum-lah berjaya besar tetapi keputusan ini ada-lah baik walau pun pada tahun ini hanya 10% yang lulus (Pangkat A) dalam S.R.P. Dalam peperiksaan S.P.M. kita belum mendapat tahu.

SOAL:

Mengenai dengan Kelas2 Dewasa Agama masa ini, berapa banyakkah Kelas2 Dewasa Agama sudah di-tubuhkan, dan berapa bahagiankah Kelas2 Dewasa ini di-bahagikan, dan apakah mata2 pelajaran yang di-ajarkan?

JAWAB:

Kelas Dewasa Agama yang berjalan dengan lancar-nya sekarang di-seluruh negeri ini ia-lah 186 kelas, sementara Kelas2 Dewasa Quran sa-banyak 108 kelas.

Tingkatan Pelajaran Dewasa Agama terbahagi kepada empat tingkatan, Tingkatan Permulaan belajar selama sa-tahun dengan mata2 pelajaran yang di-titek beratkan tentang Ibadah dan menamakan asas keperchayaan terhadap Allah dan Rasul.

Tingkatan Rendah, tiga tahun mengandongi mata2 pelajaran Quran, Tauhid, Fikah, (Ibadah dan membaca/menulis Jawi). Tingkatan Menengah, tiga tahun mengandongi mata pelajaran Quran, Fikah (bahagian2 Ibadah seperti sembahyang puasa, zakat dan Haji nikah kahwin) Tafsir, Hadith, Tauhid, Sejarah dan Tasauf. Sementara Tingkatan Penghabisan ia-lah Tingkatan Tinggi dua tahun mata pelajaran-nya ia-lah Tauhid (lanjutan), Fikah termasuk pelajaran Nikah kahwin, budi pekerti dalam muamalah kehidupan, hukum menjaga keamanan/kesejahteraan hidup manusia (hukum jinayat) Pelajaran Tafsir, Pelajaran Hadith, Pelajaran Sejarah Tamaddun Islam dan Pelajaran Tasauf.

SOAL:

Berhubung dengan Guru2 Agama tempatan, apakah langkah Jabatan Pehin untuk mempertinggi dan memperluas pengetahuan mereka untuk menjadikan sa-orang itu berkebolehan sa-bagai Guru Agama yang terlatih?

JAWAB:

Sa-bagaimana Awang sedia ma'alum bahawa Guru2 Agama tempatan kita ada-lah di-lantek dari mereka yang lulus darjah VI Sekolah2 Agama malah sa-belum tahun 1963 ada di-antara Guru2 itu yang di-lantek lulus darjah V Agama sahaja, maka untuk memberikan mereka itu ilmu pengetahuan yang lengkap bagi sa-orang Guru Agama yang berkelayakkan dan terlatih, Jabatan ini telah mengatorkan beberapa rancangan pelajaran bagi mereka itu sa-masa mereka menjadi Guru Agama Pelat. mereka itu di-kehendaki mengahdhiri Kelas Perguruan yang di-adakan pada tiap2 hari Sabtu dimana mereka di-ajarkan ka-edah2 mengajar di-samping mendalamkan lagi ilmu pengetahuan Agama mereka. Sa-telah sa-tahun mereka mengikuti Kelas Perguruan atau di-namakan juga Kelas Sabtu itu, maka satu peperiksaan akan di-adakan bagi mereka, dan jika mereka lulus dalam peperiksaan itu, maka mereka akan di-akui sa-bagai Guru Agama Tiada Terlatih. Dan

dalam Tingkatan Tiada Terlatih ini pun mereka juga di-kehendaki mengahdhiri Kelas Perguruan (Kelas Sabtu itu pada tiap2 minggu). Dan mulai tahun 1967 kita telah mengadakan kursus Perguruan Agama yang di-adakan pada tiap2 malam, lima hari dalam sa-minggu. Guru2 yang di-terima masuk mengahdhiri Kelas Perguruan ini ia-lah dari mereka yang sudah di-akui dalam Guru Tingkatan Tiada Terlatih, mereka akan mengahdhiri Kursus ini selama sa-tahun dan jika mereka telah lulus di-dalam peperiksaan, maka mereka akan di-naikkan dan di-akui sa-bagai Guru Agama Terlatih.

Saya fikir Awang sedia ma'alum bahawa bangunan Maktab Perguruan Agama berdiri di-Batu 1 1/2, Jalan Tutong dan Maktab ini di-tahun2 yang akan datang akan memainkan peranan-nya di-bidang Perguruan Agama.

SOAL:

Apakah pandangan Pehin jika sa-kira-nya di-negeri kita ini di-tubuhkan sa-buah Kolej Islam atau Universiti Agama?

JAWAB:

Sungguh pun bunyi soalan Awang ini bersahaja, tetapi untuk menjawab -nya berkehendakkan suatu penelitian yang berat, saya pernah menyatakan bahawa dalam menyusun rancangan dan dalam berusaha untuk menuju ka-arrah terchapai-nya hasrat dan chita2 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi menjadikan Islam suatu chara hidup yang lengkap serta menjadikan Islam sa-bagai Ideology Negara, kita berhadapan dengan suatu perjalanan yang ter-lalu panjang dan jauh dan mungkin menghadapi berbagai2 dugaan, maka pada pandangan saya penubohan Kolej Islam atau Universiti Agama tentu maksud Awang Universiti Islam di-negeri ini memang-lah baik berdasarkan kehendak2 dan kemampuan2 kita sesuai dengan negeri kita dan negeri2 tetangga kita. Walau bagaimana pun penubohan sa-sebuah Universiti sechara lengkap atau Universiti Kolej, atau Kolej Islam tentu-lah berkehendakkan suatu pengkajian yang teliti, dan nasihat2 dari pakar2 yang telah berpengalaman mengenai-nya.

SOAL:

Dalam Bahagian Penerangan Agama Islam, di-Jabatan Pehin ini, apa2kah usaha2 yang telah, sedang dan akan di-jalankan untuk menerangkan hal2 Keagamaan kepada orang2 mu'alaf dan orang2 yang bukan beragama Islam?

JAWAB:

Mengenai orang2 mu'alaf atau orang2 yang baru memelok Agama Islam Bahagian Penerangan Jabatan ini pernah mengadakan suatu Kursus khas kepada mereka dalam tahun 1968 dan kursus demikian sekarang ini sedang dalam pengkajian, memang-lah di-sedari sangat mustahak orang2 yang baru memelok Agama Islam itu di-beri pengetahuan berhubung dengan ajaran2 Agama Islam dan sama mustahak-nya dengan memberi pengetahuan kepada orang2 Islam sendiri berhubung dengan ajaran2 Islam itu, jadi-nya Jabatan Hal Ehal Agama sekarang ini lebeh banyak menumpukan tenaga kepada memberi pengetahuan kepada orang2 Islam sendiri mengenai ajaran2 Agama Islam di-samping memberi pengetahuan itu kepada orang2 yang baru memelok Agama Islam. Mengenai dengan orang2 yang bukan beragama Islam pada beberapa tahun yang lalu di-adakan rombongan2 muhibbah ka-rumah2 panjang dan perkara ini ada-lah sedang dalam kajian bagi

menyusun langkah2 yang terator ka-arah itu.

SOAL:

Dalam Bahagian Majlis Islam, dapatkan Pehin menerangkan apakah tugas bahagian ini sa-benar-nya, dan bagaimana Majlis ini mengelolakan zakat fitrah di-negeri ini?

JAWAB:

Sa-bagaimana yang saya nyatakan di-awal tadi bahawa Majlis Agama Islam menurut Undang2 ia-lah sa-buah Badan yang menolong dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam semua perkara yang berkenaan dengan Agama Islam di-negeri ini tert'alog kepada Undang2. Saya fikir tugas Majlis Agama Islam sangat-lah besar dan sangat-lah luas.

Mengenai pengelolaan zakat dan fitrah pula Majlis melantek amil2 menurut Undang2 dan mereka itu ada-lah di-tugaskan mengutip zakat fitrah di-tiap2 kawasan yang di-tugaskan kepada-nya. Dan Amil2 ini juga sa-telah selesai kutipan di-jalankan di-kawasan-nya, maka dari jumlah hasil yang di-kutip-nya itu di-bahagikan kepada enam bahagian, tiga bahagian di-serahkan kepada fakir, miskin dan mu'alaf satu bahagian kepada amil dan baki dua bahagian di-simpan oleh Majlis sa-bagai simpanan yang di-asingkan yang diberi nama 'Kumpulan Wang Zakat Fitrah' bagi faedah orang2 Islam di-negeri ini di-masa yang akan datang.

Tiap2 penerimaan zakat fitrah yang di-terima oleh amil2 semua-nya di-keluarkan resit begitu juga segala pembayaran2 kepada pehak2 yang menerima bahagian semua-nya di-bayar dengan menggunakan voucher.

SOAL:

Tentang Mahkamah Kadhi, dapatkan Pehin menerangkan tugas2 utama bahagian ini, dan berapa buah Mahkamah Kadhi di-negeri kita ini?

JAWAB:

Di-awal temu ramah ini saya telah menerangkan serba sedikit berhubung dengan tugas2 Mahkamah Kadhi khas-nya dari segi tuntutan nafka. Di-Brunei kita mempunyai Mahkamah Kadhi Besar yang mempunyai ta'alok kuasa di-seluruh negeri dan bertempat di-Bandar Seri Begawan, manakala Mahkamah2 Kadhi ada empat, ia-itu di-tiap2 daerah di-negeri ini.

Mahkamah2 tersebut mempunyai kuasa2 menurut yang di-tentukan oleh Undang2 dan kuasa2 itu termasuklah pada membicharakan kesalahan2 yang di-lakukan menurut Undang2 yang di-bawah ta'alok kuasa-nya begitu juga Mahkamah2 itu mendengar segala pergumuan dan perbicharaan mengenai dengan perkara2 mal (civil) yang di-tentukan oleh Undang2. Sa-barang pehak yang tidak berpuas hati mengenai dengan keputusan Mahkamah Kadhi Besar atau Mahkamah Kadhi boleh-lah membuat permohonan bagi mengulang bichara menurut Undang2 dan jika permohonan ulang bichara itu diterima maka sa-buah badan yang tertentu akan mendengar ulang bichara itu menurut Undang2, dan untuk penerangan selanjut-nya ingin saya menerangkan bahawa Mahkamah Kadhi Besar atau Mahkamah Kadhi mempunyai peratoran2 dalam menjalankan perbicharaan2, peratoran2 itu ada-lah menurut Undang2 dan bagi maksud menchapai keadilan Mahkamah2 tersebut tidak-lah mengahlang kehadriran2 peguam jika kehadriran peguam itu tidak berlawanan dengan sharat2 hukum shara'.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 1/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Tunjol, P.O. Box 1203, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Tunjol bin Pengiran Tinggal yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/2/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tengah bin Pg. Sulaiman, Kampong Delima Satu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Sulaiman bin Pengiran Nudin @ Udin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 3/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Ara binte Dagong, C/o Md. Hassan B. Dagong, Pej. Istana kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tamit bin Ludin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 4/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Janudin bin Ghapar, Kampong Kasat, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Maisah bte. Haji Garai @ Maishah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 5/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Abdul Aziz bin Awg. Ahmad, Kampong Sungai Kedayan, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Jijah binte Awang Arsad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 6/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Mohd. Daud, No. 87, Kg. Sultan Lama, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Daud bin Hashim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 7/1971

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Poh Hock Lai @ Poh Thian Seng d/a Y.W. & Chin, 413 Bgn. Guru2 Melayu kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Soh Lian Neo @ So Lien Nyu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 8/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hitam bin Mohammad, Pejabat Setor dan Perbekalan Negara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Jumilah binte Garib @ Jamilah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 9/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ina Anak Gerasi, D/a James August Enau, General Hospital, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh John Banga Anak Rama yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 19 haribulan, Januari, 1971.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER, BANDAR SERI BEGAWAN ADMINISTRATION SUIT

No. 10/1971.

NOTICE

Application to this Court having been made by T.R. Butcher of P.O. Box 116, Bandar Seri Begawan of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of W.A. Marshall late of deceased, on the ground that he is lawful Attorney of Ruth Mary Marshall — Wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Bandar Seri Begawan on the 16th day of February, 1971 at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan before the above date.

Dated this 1st day of February, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 11/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tengah bin Md. Yassin, Kampong Batu Apoi, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Md. Yassin bin Haji Ismail yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan, Februari, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 12/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Payak binte Tamit, Kampong Tanjong Nangka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Bungsu bin Tamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah kakak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan didengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 haribulan, Februari, 1971 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan, Februari, 1971.

MD. ALI BIN MD. DAUD,
Timbalan Pegawai Penguasa Warith.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelia Teknik Kanan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan Penyelia Teknik Kanan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

Umur dari 30 hingga 40 tahun. Berkelayakan hingga ka-peringkat Diploma dan/atau mempunyai 10 tahun pengalaman praktikal dalam kerja2 mengukur Tanah, Parit dan Taliayer dan Kejuruteraan. Kebolehan menggunakan alat2 stero-grammetric dan menyediakan peta2 dari gambar2 yang di-ambil dari udara ada-lah di-anggap perlu. Sa-

banyak sedikit pengalaman dalam kerja2 mencari sumber2 ayer merupakan satu kelebihan. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

Tugas:

Untuk bertugas di-Jabatan Pertanian di-bawah arahan Jurutera Parit dan Taliayer dan mesti-lah bersedia untuk membuat lain2 pe-

kerjaan di-dalam pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — B\$570 x 30-630/EB/660 x 30-900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Februari, 1971.

Sa-bagai Jurutrenkas Inggeris

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juru Trengkas Inggeris di-dalam perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kebolehan dalam chatetan trengkas sa-chepat 80 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai dengan syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 20hb. Februari, 1971.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$210x10-270x15-315 / EXAM BAR / 330x15-360x20-480/EB/500 x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Februari, 1971.

Sa-bagai Peon

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah lulus darjah VII Sekolah Melayu.

GAJI:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-4 EB 4-5 — \$160x5-200/EB/225x5-240-270.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 18hb. Februari, 1971.

Di-Jabatan Perikanan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perikanan, Brunei.

(a) **PEMANDU** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu yang sah bagi memandu sa-buah lori tangki ayer. Mereka mesti-lah tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 EB 4-5 — \$200x5-220/EB/225x5-270.

(b) **TUKANG KEBUN/ PEMBERSEH** (10 jawatan)

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan bertanggung jawab bagi menjaga kebersihan di-sekeliling bangunan Jabatan Perikanan dan taman bunga.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 EB 2 — \$160x5-175/EB/180x5-195.

(c) **PENJAGA MALAM** (2 jawatan)

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 hingga 40 tahun.

Tugas:

Chalun2 yang berjaya di-kehendaki bertugas dari jam 5. 00 petang hingga jam 7.00 pagi.


Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$160x5-175.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 27hb. Februari, 1971.

Pembinaan pelabuhan di-Muara

PEMBINAAN pelabuhan ayer dalam di-Muara sekarang berjalan lancar. Gambar kanan menunjukkan kerja2 membena dermaga ia-itu sa-bahagian dari projek pelabuhan yang menelan belanja berjuta2 ringgit itu sedang dalam pelaksanaan. Keseluruhan projek tersebut di-jangka siap akhir tahun ini.



ISTIADAT BERKHATAN DAN BERTINDEK

Y. T. M. PUTERI2 DI-RAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Berkhatan Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja akan berlangsung di-Istana Darul Hana pada malam ini. Dan Istiadat Bertindek bagi Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja itu akan berlangsung di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada 11hb. Fe-

bruari esok mulai pukul 2.30 petang.

Sa-telah selesai Istiadat Bertindek, Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja akan di-arak dari Istana mengelilingi bandar untuk di-perkenalkan kepada rakyat jelata.

Sementara itu, Pemangku Pulis Daerah Brunei-Muara, telah mengumumkan susunan perarakan Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja pada esok petang.

Beliau berkata jalan2 yang akan di-lalui oleh perarakan itu akan di-tutup kepada lalu lintas dari jam 3.00 petang hingga 6.00 petang, dan kenderaan2 tidak di-benarkan di-letakkan di-sepanjang jalan raya yang di-lalui oleh perarakan tersebut.

Jalan2 tersebut ia-lah Jalan Sultan, Jalan MacArthur, Jalan Pretty, Jalan Stoney dan Jalan Tutong hingga ka-bangunan balai bomba.

Kenderaan2 dari Bandar Seri Begawan menuju ka-Tutong, Seria dan Belait hendaklah menggunakan Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Gadong pada masa tersebut.

Bagitu juga dengan kenderaan dari Belait, Seria dan Tutong yang hendak ka-Bandar Seri Begawan ada-lah di-kehendaki menggunakan Jalan Gadong dari simpang Batu 8.

Taman Asohan Wanita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah Taman Asohan Wanita telah di-tubuhkan baru2 ini.

Kelas yang julong2 kali-nya di-adakan di-negeri ini akan mengajar mata pelajaran jahit-menjahit, merika aneka feshen, sulam menyulam dan masak2kan.

Kelas tersebut akan di-adakan selama enam hari dalam sa-minggu ia-itu tiga hari belajar jahit menjahit dan tiga hari belajar masak2kan.

Sa-takat ini lebih dari 30 orang telah mendaftarkan nama untuk menyertai kelas tersebut.

Kaum wanita yang ingin menyertai kelas tersebut bolehlah datang ka-Bangunan Ibunda Jaya, Kampong Sultan Lama, Bandar Seri Begawan.



Sa-bahagian dari penuntut2 yang akan memulakan pelajaran mereka 15 Februari ini.

Keputusan peraduan

(Dari muka 1)

Lain Kesah-nya' oleh Dayang Chua Siew Len, 'Berakit Ka-Hulu, Berenang Ka-tepian' oleh Awang Duming bin Haji Wahab, 'Mengerti' oleh Dayang Rosmah binte Taha dan 'Hadiah' karangan Awang Bakir bin Haji Tengah.

Sa-puluh buah cherpen dalam bahagian dewasa juga telah di-pileh untuk memenangi hadiah penghargaan. Cherpen2 yang terpilih itu ada-lah sa-perti berikut:

Pemimpin Kechil Di-Kampong Kami' karangan Awang Abu Bakar bin Othman, '**Permerhati Amecher'** karangan A. Ghani bin Bujang, '**Anak**

Kampong Cherita Kampong' karangan Dayang Intan binte Haji Mohd. Kassim, '**Menemui Jalan Terakhir'** karangan Awang Metussin bin Awang Ajak, '**Ekstrimis-nya Di-Punchak Gunong'** karangan Awang Ahmad bin Mohd. Arshad, '**Angin Barat'** Awang M. Hussain bin Abu Bakar, '**Hidup Ibarat Sungai'** karangan Awang Duming bin Haji Abd. Wahab, '**Sa-ribu Pengharapan'** karangan Awang Abdul Ghani bin Abu Bakar, '**Nafas Akhir Putera Seni'** karangan Awang Ali bin Metussin dan '**Apa Akan Terjadi Esok'** karangan Awang Nordin bin Ahmad.



Mendiang Pehin Dato Laila Setiawan Dato Seri Laila Jasa Awang William Henry Doughty.

Pehin Dato Doughty meninggal dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Di-Muliakan Pehin Dato Laila Setiawan Dato Seri Laila Jasa Awang Henry Doughty telah meninggal dunia di-Rumah Sakit, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Mendiang Pehin Dato Laila Setiawan Dato Seri Laila Jasa Doughty berumur 85 tahun.

Mayat-nya telah selamat di-kebumikan pada tengah hari Isnin di-tanah perkuboran Keristian di-Batu 8, Jalan Berakas.

Terdahulu sa- -belum itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-Rumah Sakit Besar untuk memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang Pehin Dato Doughty.

Mendiang Pehin Dato Doughty ada-lah orang Eropah yang tertua sekali di-negeri ini. Beliau tiba di-negeri ini dari England dalam tahun 1909 untuk bekerja dengan Sharikat Island yang pada masa itu menjalankan perusahaan gambir.

Keputusan lumba jalan kaki PESAKA

KERIAM Tutong. — Awang Kamaluddin bin Hitam dari Persatuan Pesaka telah memenangi perlumbaan jalan kaki bahagian lelaki dewasa yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam Tutong pada hari Sabtu lepas.

Tempat kedua di-menangi oleh Awang Razali bin Zainal dari Persatuan Lubok Pulau dan pemenang ketiga ia-lah Awang Zainal bin Gana, dari Sekolah Inggiris, Tutong.

Perlumbaan kali yang ke-7 di-anjorkan oleh Persatuan Pesaka itu di-bahagikan kepada dua kumpulan, ia-itu kumpulan perseorangan dan berpasokan yang terbuka kepada persatuan2, sekolah2 di-Daerah Tutong.

Lebih dari 160 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan sa-jauh 10 batu bagi kanak2 lelaki dan 6 batu bagi peserta perempuan.

Satu acara khas sa-jauh 1 1/2 batu bagi peserta lelaki berumur 30 tahun ka-atas juga telah diadakan.

Keputusan2 penoh perlumbaan tersebut ada-lah sa-perti berikut:

Bahagian kanak2 lelaki: Pertama — Awang Gana Idris, kedua — Awang Mahmud Bakar dan ketiga — Awang Abdul Kadir bin Haji Tengah.

Bahagian perempuan: Pertama Dayang Normah binte Othman, kedua — Dayangku Saadiyah binte Pengiran Tuah dan ketiga — Dayangku Normah binte Pengiran Tuah.

Bahagian kanak2 perempuan: Pertama — Dayang Masnah binte Abdul Halim, kedua — Dayangku Jelita binte Pengiran Tuah dan ketiga — Dayang Juliah binte Mahmood.

Bahagian veteran: Pertama — Awang Basri bin Haji Lahid, kedua — Awang Aliahmat bin Lahab dan ketiga — Awang Jaafar.

Bahagian berpasokan: Pertama — Persatuan Melayu Keriam 'A'; kedua — Sekolah Inggiris Tutong 'B' dan ketiga Persatuan KUDA.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua MBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

Pemenang2 perlumbaan jalan kaki anjoran PESAKA. Dari kanan Awang Basri, bahagian veteran, Awang Kamaluddin bin Hitam, bahagian lelaki dewasa dan Dayang Normah, bahagian perempuan dewasa.

